



Berita BANDARAYA

Kuala Lumpur City News

Layari Berita Bandaraya di www.dbkl.gov.my

Bil.10 Jan 2009/Muharam 1430H

ISSN 1675-1876 Naskhah Percuma

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR


Selamat Tahun Baru 2009

Tahun 2008 telah melabuhkan tirainya dan kini menjelang tahun 2009.

Di Dataran Merdeka, seperti setiap tahun, telah diadakan sambutan menjelang tahun baru tersebut. Puluhan ribu wargakota daripada pelbagai lapisan masyarakat telah memenuhi dataran yang sinarm dengan sejarah kemerdekaan negara. Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Timbalan Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, menteri-menteri kabinet telah sama-sama memeriahkan sambutan pada malam tersebut. Tidak ketinggalan juga Datuk Bandar Kuala Lumpur yang baru, Datuk Ahmad Fuad bin Ismail.

Orang ramai yang hadir telah dihiburkan dengan nyanyian lagu-lagu patriotik oleh penyanyi-penanyi terkemuka tanahair seperti Mawi, M.Nasir dan Kumpulan Hujan. Tepat jam 12 malam, bergemalah laungan 'merdeka' yang dimulakan oleh Perdana Menteri Malaysia. Sambutan bertambah menarik dengan persembahan bunga api, memukau semua yang hadir dengan percikannya yang indah menerangi sekitar Dataran Merdeka. Pada tahun ini, pihak Ambank Group Bhd. dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah berganding bahu menjadi penganjur bersama sambutan tahun baru tersebut.

Jelas terpancar kegembiraan dan keceriaan di wajah-wajah mereka yang hadir di malam itu. Kehadiran tahun 2009 turut disambut dengan semangat dan harapan yang baru oleh semua pihak. Bagi wargakota sudah tentu mereka meletakkan harapan yang tinggi kepada DBKL dalam mentadbir dan mengurus bandaraya yang menjadi tempat tinggal mereka. Di samping itu, seluruh rakyat Malaysia juga semestinya mengharapkan agar ibu negara yang menjadi kebanggaan semua akan bertambah maju dan makmur setanding dengan bandaraya-bandaraya ternama di seluruh dunia.



Pelantikan Datuk Ahmad Fuad bin Ismail sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur yang ke sembilan pada 14 Disember 2008, sedikit sebanyak akan memberikan suntikan baru kepada seluruh warga kerja DBKL dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada wargakota. Kerjasama dengan semua pihak akan terus dipertingkatkan dalam usaha membangunkan bandaraya Kuala Lumpur demi faedah semua pihak. Tahun 2009 diharap memberikan sinar kejayaan yang lebih gemilang kepada semua. Selamat tahun baru 2009.

Dari Meja Datuk Bandar



Kehendak dan keinginan warga kota ke atas perkhidmatan yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) sentiasa berubah selaras dengan peningkatan taraf hidup mereka. Warga kota akan tersenyum puas apabila perkhidmatan yang dikehendaki diberikan dengan pantas, cekap dan tepat. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi kecekapan sistem penyampaian sesebuah organisasi adalah pengurusan sumber manusia dan sistem bisnes organisasi.

Oleh itu, DBKL akan terus mengaplikasikan pelbagai pendekatan agar dapat memberi kepuasan kepada semua pihak terutamanya warga kota. Antaranya ialah sistem penyampaian yang berkesan, bandar selamat dan indah, pengurusan aduan/wawa dan maklumbalas yang cekap serta perkhidmatan yang bersifat 'action oriented'. Justeru, DBKL akan melihat kembali cara bekerja yang betul di kalangan warga kerjanya. Sebagai contoh, tindakan segera akan diambil bagi memberikan maklumbalas kepada sebarang aduan yang dikemukakan oleh warga kota.

Untuk memastikan hasrat tersebut dicapai, DBKL juga telah memperuntukkan sejumlah RM 2.081 billion dalam Bajet 2009. Jumlah bajet yang agak besar ini bertujuan untuk melaksanakan kerja-kerja teras perbandaran dan meneruskan pelaksanaan projek serta program tahun 2008 yang masih tertangguh. Disamping itu, bajet ini adalah untuk merangsang pertumbuhan ekonomi bagi menghadapi persekitaran kelembapan ekonomi yang berlaku tahun ini.

Bajet yang bertemakan 'BELANJAWAN BERHEMAH, KUALA LUMPUR SEJAHTERA' akan direalisasikan melalui beberapa strategi yang telah dikenalpasti seperti melaksanakan projek-projek pembangunan mengikut jadual yang ditetapkan agar pembaziran wang rakyat dapat dielakkan. Penguatkuasaan ke atas semua undang-undang dan peraturan yang digunakan oleh DBKL akan dilaksanakan secara menyeluruh. Ini kerana tahun 2009 adalah Tahun Penguatkuasaan DBKL.

DBKL mengharapkan segala perancangan yang dibuat pada tahun ini dapat dilaksanakan dengan lancar walau berhadapan dengan 1001 dugaan demi memberi kepuasan dan jaminan kehidupan yang lebih baik khas untuk warga kota Kuala Lumpur.

FROM THE MAYOR'S DESK

The products and services expected from the local authorities (LA) by citizens of the metropolis evolve along with their living standards. They will smile with satisfaction when these are provided in a fast, efficient and proper manner. Some of the factors affecting the efficiency of an organisation's delivery system are human resource management as well as the business organisation systems.

As such, DBKL will continue to apply the various approaches to ensure the satisfaction of all parties particularly those of the city dwellers. Some of the approaches applied and services provided are effective delivery systems, safe city, public complains and feedback, beautiful city and 'action oriented' services. As a result, the entire DBKL workforce is required to revisit their work methodologies to ensure its propriety. In addition, they should also provide expedient responses to feedbacks, complaints and deliver information and notifications to city dwellers expeditiously.

In efforts to realise DBKL's dream, a total of RM 2.081 billion has been allocated in the 2009 Budget. A budget of such amount will ensure that DBKL is able to carry out core municipality works efficiently besides implementing delayed 2008 projects and programs. This provision is also to stimulate economic growth in the face of the economic slow down burdening the nation and the world at large today.

The Budget themed 'PRUDENT BUDGET, KUALA LUMPUR PROSPERS' will be further realised via the different strategies identified, such as carrying out development projects according to schedule to avoid over expending public funds.. Law and Regulations will also be fully enforced by the DBKL. This is because 2009 is DBKL's Year of Enforcement..

DBKL hopes that all the plans drawn up this year will be implemented smoothly in spite of all the challenges we will face in order to ensure satisfaction and to guarantee better standards of living particularly for the citizens of Kuala Lumpur.

**Dato' Ahmad Fuad b. Ismail
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

Sayangi Kuala Lumpur

Happy New Year 2009



The mayor's first meeting with senior officers of DBKL

We have left 2008 behind and now it is time to usher in 2009.

The annual new year's celebration at the Dataran Merdeka, is already a home grown tradition for us. Tens of thousands of city dwellers of all races and ages flock to the square which is a landmark of our history of independence. The Prime Minister, YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi and wife, The Deputy Prime Minister, YAB Datuk Seri Najib Tun Razak and wife along with the cabinet ministers joined the crowd of revellers for the celebration. The newly appointed Mayor of Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Fuad bin Ismail was also present to grace the event.

The crowd was serenaded with patriotic songs by famous local artists such as Mawi, M.Nasir and the singing group Hujan. At the stroke of midnight the shouts of 'merdeka' signalled the beginning of the long awaited celebration, followed by the mesmerising showcase of fireworks lighting up the skies of the Dataran Merdeka. This year's celebration was a very successful joint effort between Ambank Group Bhd. and the Dewan Bandaraya Kuala Lumpur .

Happiness and joy were clearly reflected on the faces of all present that night. 2009 was ushered in with the spirit of joy and new hope for all. The denizens of the metropolis place high expectations on DBKL to govern and manage this metropolitan city they call home. Surely, the entire Malaysian citizens also hope to be proud of the advancements and prosperity of their capital city, which can stand tall alongside the other main cities of the world.

The appointment of Datuk Ahmad Fuad bin Ismail as Kuala Lumpur's Ninth Mayor on 14th December 2008, has to a large extent given an impetus and inspired the entire DBKL workforce to provide excellent services to the citizens of the metropolis. Greater cooperation with all parties will be forged and strengthened in efforts to develop the city of Kuala Lumpur. It is hoped that the Year 2009 will propel us all to greater heights of excellence, Happy New Year 2009.

Pandangan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai amnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Unit Komunikasi Korporat, Tingkat 5, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. e-mel: dbkl @ dbkl.gov.my Tel: 03-2617 9803 Faks : 03-2698 0460. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

Sidang Redaksi

Penasihat : Y. Bhg. Dato' Ahmad Fuad bin Ismail

Ketua Editor : Y. Bhg. Datuk Hj Salleh bin Yusup

Editor : Anwar bin Mohd Zain

Sub-Editor : Nor Iz Hayza binti Md Zam

Pem. Editor : Emy Hezrin binti Hanafiah

Wan Norazah binti Wan Md Nor

Jurufoto : Abd Rhani bin Md Shohor

Md Ismail bin Isnin